

Baca petikan karangan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.

Layaran adalah sejenis ikan yang habitatnya di kawasan laut terbuka. Nama Inggerisnya Marlin. Ada bermacam-macam jenis ikan layaran antaranya ialah layaran hitam, layaran biru dan layaran putih.

Badan ikan layaran berbentuk memanjang dengan muncungnya yang panjang dan tajam. Sirip atas ikan layaran berbentuk seperti layar dan kerana itu ia dinamakan begitu. Ikan layaran adalah sejenis ikan yang paling pantas bergerak. Ia boleh berenang sehingga 50 knot sejam.

Saiz ikan layaran berbeza-beza mengikut jenisnya. Saiznya antara 2.7 meter hingga 3.2 meter. Ikan layaran biru adalah jenis ikan yang terbesar. Berat ikan ini boleh mencapai seberat 2000 paun iaitu bersamaan dengan 907 kilogram. Makanannya berupa anak-anak ikan tuna dan krustasia seperti kerang-kerangan, udang dan ketam.

Ikan layaran kurang mempunyai nilai pasaran sebagai ikan yang boleh dimakan. Ia lebih terkenal dalam aktiviti sukan memancing di laut dalam. Ikan layaran adalah sejenis ikan sasaran antarabangsa. Kebanyakan ikan layaran yang berjaya dipancing akan dilepaskan semula ke laut setelah dicatat saiz dan beratnya tetapi ada sesetengahnya orang mengawet ikan tersebut untuk dijadikan sebagai barang hiasan.

(Dipetik daripada Majalah Mekar, September 2004)

10 soalan disediakan. **Jawab semua** soalan dengan **menaipkan** jawapan dengan **ayat yang gramatis**.

a. Di manakah habitat ikan layaran?

b. Apakah nama inggeris bagi ikan layaran?

c. Ikan layaran ada berapa jenis dan sebutkan jenis-jenisnya?

d. Bagaimanakah bentuk badan ikan layaran ini?

e. Berapakah kelajuan berenang yang boleh dicapai oleh ikan ini?

f. Berapakah panjang badan ikan ini?

g. Ikan layaran biru adalah ikan yang terbesar,
berapakah berat ikan ini?

h. Apakah yang dimakan oleh ikan ini?

i. Ikan ini terkenal dalam aktiviti apa?

j. Sesetengah orang menangkap ikan ini untuk
dijadikan apa?

(20 markah)